



Ruj. Kami: JPA (S)(K) 241/76. Jld. 4 (35)

Tarikh : 18 Mac 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Tuan,

**PERTIMBANGAN ANJAKAN GAJI KEPADA PEGAWAI YANG MELEPASI  
TAHAP KOMPETENSI/ LULUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN DI TK1  
PADA TAHUN 2003 DAN 2004**

Dengan hormatnya saya adalah diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa bagi maksud pertimbangan anjakan gaji kepada pegawai yang melepasi tahap kompetensi/lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di TK1 pada tahun 2003 dan 2004, pelaksanaannya hendaklah dibuat seperti berikut:-

- (a) Pegawai yang melepasi tahap kompetensi/lulus PTK di TK1 pada tahun 2003 dan telah hadir dengan jayanya Kursus Kenegaraan pada tahun 2004 boleh dipertimbangkan anjakan gaji pada tahun 2004;
- (b) Pegawai yang melepasi tahap kompetensi/lulus PTK di TK1 pada tahun 2003 tetapi tidak disyaratkan menghadiri Kursus Kenegaraan mengikut surat JPA(S)(K)241/76 Jld.4(32) bertarikh 17 Januari 2005 boleh dipertimbangkan anjakan gaji juga pada tahun 2004; dan
- (c) Pegawai yang melepasi tahap kompetensi/lulus PTK di TK1 pada aras kecemerlangan pada tahun 2004 tetapi tidak disyaratkan menghadiri Kursus Kenegaraan mengikut surat JPA(S)(K)241/76 Jld.4(32) bertarikh 17 Januari 2005 boleh dipertimbangkan anjakan gaji pada tahun 2005. (Keputusan PTK 2004 akan dikeluarkan dengan menggunakan format baru mengikut Aras sebagaimana ditetapkan di bawah pemantapan PTK).

3. Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) hendaklah bersidang untuk membuat penyelarasan bagi pegawai-pegawai yang terlibat.
4. Sebarang pertanyaan mengenai surat edaran ini boleh dirujuk kepada:

Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Cawangan Pengurusan Kompetensi  
Aras 5 - 6, Sapura @ Mines  
No.7 Jalan Tasik, The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**Telefon Help Desk** : 03-8946 4547 / 03-8946 4548 / 03-8946 4574

**Faks** : 03-8946 4541 / 8945 0211

**E-mel** : [ptk@jpa.gov.my](mailto:ptk@jpa.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah



**( DATO' MOHTAR BIN ABAS )**  
Pengarah Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
MALAYSIA